



PERSEPSI PENGUNDI PADA PASCA PILIHAN
RAYA UMUM KE-14 DI KAWASAN DEWAN
UNDANGAN NEGERI N23 MANJOI
DAN N59 BEHRANG, PERAK

NURUL WAHIDA BINTI ISMAIL



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





**PERSEPSI PENGUNDI PADA PASCA PILIHAN RAYA UMUM KE-14
DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI N23 MANJOI
DAN N59 BEHRANG, PERAK**

NURUL WAHIDA BINTI ISMAIL



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024






Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada¹⁵.....(hari bulan).....¹⁰..... (bulan) 20..²⁴.....**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Nurul Wahida Binti Ismail, M20162001683, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Persepsi Pengundi Pada Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Kawasan Dewan Undangan Negeri N23 Manjoi dan N59 Behrang, Perak

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Siti Noranizahhafizah Binti Boyman (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Persepsi Pengundi Pada Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Dewan Undangan Negeri N23 Manjoi dan N59 Behrang, Perak

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Malaysia) (Mod Penyelidikan) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15/10/2024

Tarikh

DR. Siti Noranizahhafizah Binti Boyman
Pensyarah Kasan
Jabatan Pengajian Kemasyarakatan
& Kewarganegaraan
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Persepsi Pengundi Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Kawasan Dewan Undangan Negeri N23 Manjoi Dan N59 Behrang, Perak

No. Matrik / Matric's No.: M20162001683

Saya / I : Nurul Wahida Binti Ismail

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

DR. Siti Nur Hafizah A. P. P. P.
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Kemasyarakatan
& Kewarganegaraan
Fakulti Sains Kemasyarakatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 31-12-2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, menambahbaik penulisan, penyelidikan ini telah mendapat bantuan secara langsung daripada Dr. Siti Noranizahhafizah Binti Boyman yang memberi panduan dan nasihat. Penyelia saya adalah seorang yang sentiasa menyokong hasil penulisan saya sehingga kini. Terima kasih juga kepada semua pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan khususnya dan semua pensyarah universiti yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan seperjuangan yang memberi semangat, semua bantuan dan tidak lupa kepada keluarga yang dikasihi. Perjalanan yang saya ambil ini panjang. Walau bagaimanapun, saya bersyukur akhirnya dengan Izin Yang Maha Esa saya dapat menghantar hasil ini untuk tatapan generasi baharu tentang tajuk kajian. Semoga sumbangan ilmu daripada saya ini boleh meningkatkan bahan bacaan dan sumbangan ilmu berkaitan politik di Malaysia.



ABSTRAK

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 telah berpihak kepada parti gabungan baharu iaitu Pakatan Harapan (PH) di Perak. Perubahan kerajaan PH daripada BN telah dipengaruhi oleh keputusan pengundi ketika PRU ke-14. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti pola pengundian di DUN Manjoi dan Behrang pada PRU ke-12 (2008) hingga PRU ke-14 (2018), menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengundi dan menilai persepsi pengundi terhadap wakil rakyat baharu di DUN Manjoi dan Behrang pada PRU ke-14. Teori Pilihan Rasional digunakan sebagai kerangka teori untuk mengenal pasti pilihan pengundi dalam membuat keputusan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan menerusi instrumen soal selidik untuk mengumpulkan data responden. Data soal selidik dianalisis menggunakan *SPSS Statistics 23*. Persampelan kajian melibatkan 450 orang responden yang dipilih secara rawak berstrata di DUN Manjoi dan Behrang. Dapatan kajian menunjukkan berlaku perubahan pola pengundian di DUN Manjoi dan Behrang kerana dipengaruhi secara langsung oleh pilihan parti, ekonomi dan calon yang bertanding dalam PRU ke-14. Pilihan responden dalam PRU ke-14 di DUN Manjoi dan Behrang adalah signifikan kepada pilihan calon berbanding pilihan parti dan ekonomi serta berdasarkan kepada faktor kepimpinan dan ketokohan Dr. Mahathir yang pernah membangunkan ekonomi Malaysia selama 22 tahun. Seterusnya, penglibatan gabungan parti baharu seperti Amanah dan Bersatu juga telah memberi peluang kepada pengundi untuk lebih bersikap rasional untuk membuat keputusan. Berdasarkan persepsi responden berkaitan wakil rakyat baharu menunjukkan impak yang positif apabila calon yang dipilih menepati kriteria seperti mesra rakyat, peramah, bertanggungjawab dan menjaga kebajikan rakyat. Jelaslah bahawa responden telah memberi peluang dan memilih calon yang diyakini mampu meningkatkan pembangunan sosioekonomi di Manjoi dan Behrang. Kajian mendapati pilihan pengundi di kawasan yang mengalami perubahan dalam PRU ke-14 terarah kepada pilihan calon berbanding pilihan lain.





VOTERS' PERCEPTION IN THE POST 14TH GENERAL ELECTION IN THE STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY AREAS N23 MANJOI AND N59 BEHRANG, PERAK

ABSTRACT

The results of the 14th General Election have been in favor of the new coalition party, Pakatan Harapan (PH) in Perak. The change of PH government from BN was influenced by the voter's decision during the 14th GE. The objective of the study is to identify the voting pattern in the Manjoi and Behrang State Assembly in the 12th GE (2008) until the 14th GE (2018), analyze the factors that influence voter choice and evaluate the voters' perception of the new elected representatives in the Manjoi and Behrang State Assembly in the 14th GE. Rational Choice Theory is used as a theoretical framework to identify voter choices in decision making. This study uses a survey method through a questionnaire instrument to collect respondent data. Questionnaire data was analyzed using SPSS Statistics 23. The study's sampling involved 450 randomly selected respondents stratified in Manjoi and Behrang State Assembly. The findings of the study show that there is a change in the voting pattern in the Manjoi and Behrang state assembly because it is directly influenced by the choice of party, the economy and the candidates contesting in the 14th GE. The choice of respondents in the 14th GE in Manjoi and Behrang State Assembly is significant to the choice of candidates compared to the choice of party and economy and based on the leadership factor and Dr. Mahathir who had developed the Malaysian economy for 22 years. Next, the involvement of new party coalitions such as Amanah and Bersatu has also given voters the opportunity to be more rational in making decisions. Based on the perception of the respondents regarding the new elected representative shows a positive impact when the chosen candidate meets criteria such as people-friendly, friendly, responsible and looking after the people's welfare. It is clear that the respondents have given the opportunity and selected candidates who are believed to be able to improve socioeconomic development in Manjoi and Behrang. The study found that voters' choices in areas that experienced changes in the 14th GE were directed towards candidate choices rather than other choices.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix

SENARAI SINGKATAN

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Latar Belakang Negeri Perak	3
1.2.2 Pilihan Raya Umum (PRU) Di Perak	5
1.2.3 Latar Belakang DUN Manjoi Dan Behrang	11
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Persoalan Kajian	19
1.5 Objektif Kajian	19
1.6 Skop Kajian	20
1.7 Signifikan Kajian	21
1.8 Definisi Pola Pengundian	22



1.9 Organisasi Kajian	25
1.10 Rumusan	26
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	27
2.2 Teori Dan Konsep Kajian	28
2.2.1 Teori Pilihan Rasional	28
2.2.2 Kerangka Konseptual Kajian	34
2.3 Kajian Berkaitan Pilihan Raya di Malaysia	37
2.3.1 Pilihan Raya Umum Ke-12 hingga Pilihan Raya Umum Ke-13	38
2.3.2 Pilihan Raya Umum Ke-14	50
2.4 Kajian Pilihan Raya di Perak	60
2.5 Rumusan	66
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	67
3.2 Reka Bentuk Kajian	68
3.3 Kajian Rintis	70
3.4 Populasi Dan Sampel Kajian	75
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	77
3.5.1 Analisis Dokumen	78
3.5.2 Kaji Selidik (Tinjauan)	79
3.6 Analisis Data Penyelidikan	82
3.7 Rumusan	83

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	84
4.2 Pola Pengundian PRU ke-12 hingga PRU ke-14	85
4.2.1 Pola Pengundian di N23 Manjoi	85
4.2.2 Pola Pengundian di N59 Behrang	92
4.3 Demografi Responden	97
4.3.1 Jantina dan Umur	97
4.3.2 Etnik dan Agama	99
4.3.3 Pendidikan	101
4.3.4 Sektor Pekerjaan dan Pendapatan	103
4.4 Maklumat Politik Responden	106
4.4.1 Mengikuti Perkembangan Politik	107
4.4.2 Pilihan Berbincang Politik	112
4.4.3 Pilihan Politik Responden	117
4.4.4 Sumber Maklumat Politik	121
4.4.5 Sumber Lain Maklumat Politik	125
4.5 Faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Pengundi	128
4.5.1 Parti	128
4.5.2 Ekonomi	135
4.5.3 Calon	142
4.5.4 Faktor Lain	148
4.6 Persepsi Pengundi Terhadap Wakil Rakyat Baharu	150
4.7 Rumusan	156



BAB 5 KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	157
5.2 Dapatan Utama Kajian	158
5.2.1 Pola pengundian di Manjoi dan Behrang	158
5.2.2 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Pengundi	163
5.2.3 Pesepsi Pengundi Terhadap Wakil Rakyat	167
5.3 Implikasi Kajian	168
5.4 Sumbangan Kajian	169
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	171
RUJUKAN	172

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Keputusan PRU ke-12 hingga PRU ke-14 di Perak	7
1.2	Perubahan bilangan kerusi DUN selepas PRU ke14 di Perak	9
1.3	Keputusan PRU ke-10 hingga PRU ke-14 di Manjoi	12
1.4	Keputusan PRU ke-11 hingga PRU ke-14 di Behrang	13
1.5	Kedudukan kerusi DUN di Perak	15
1.6	Keputusan awal senarai kerusi Baharu Parti Amanah	16
3.1	Ringkasan persoalan kajian dan pendekatan yang digunakan	69
3.2	Maklum balas daripada responden	72
3.3	Jadual Interpretasi Skor Alpha Cronbach	73
3.4	Nilai kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) bagi keseluruhan instrumen	74
3.5	Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan	75
3.6	Jumlah sampel kajian	76
3.7	Kawasan PDM di DUN Manjoi dan Behrang	77
4.1	Keputusan PRU di DUN Manjoi	86



4.2	Keputusan PRU di DUN Behrang	92
4.3	Responden di Manjoi dan Behrang	98
4.4	Jantina dan umur	98
4.5	Etnik dan Agama	99
4.6	Agama	101
4.7	Tahap Pendidikan	102
4.8	Sektor Pekerjaan	103
4.9	Jumlah Pendapatan	105
4.10	Tahap perkembangan politik mengikut jantina	107
4.11	Tahap perkembangan politik mengikut etnik	109
4.12	Pilihan berbincang politik mengikut jantina	112
4.13	Pilihan berbincang politik mengikut etnik	114
4.14	Pilihan politik mengikut jantina	117
4.15	Pilihan politik mengikut etnik	119
4.16	Sumber maklumat politik mengikut jantina	121
4.17	Sumber maklumat politik mengikut etnik	123
4.18	Jenis sumber maklumat politik	125
4.19	Pilihan parti mengikut jantina	129
4.20	Pilihan parti mengikut etnik	132
4.21	Pilihan ekonomi mengikut jantina	136
4.22	Pilihan ekonomi mengikut etnik	139





4.23	Pilihan calon mengikut jantina	142
4.24	Pilihan calon mengikut etnik	145
4.25	Faktor lain	148
4.26	Mengenali wakil rakyat	150
4.27	Kekerapan berjumpa wakil rakyat	151
4.28	Kekerapan wakil rakyat melawat kawasan	152
4.29	Keperibadian wakil rakyat	153
4.30	Keprihatinan dan tanggungjawab wakil rakyat	154





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Peta kawasan Dewan Undangan Negeri Perak	6
2.1	Kerangka konseptual proses pilihan pengundi	35
4.1	Jumlah undi yang dimenangi di DUN Manjoi	91
4.2	Jumlah undi yang dimenangi di DUN Behrang	96



SENARAI SINGKATAN

BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BN	Barisan Nasional
DAP	Parti Demokratik Negara
DUN	Dewan Undangan Negeri
PAN	Parti Amanah Negara
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PDM	Pusat Daerah Mengundi
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PH	Pakatan Harapan
PN	Perikatan Nasional
PR	Pakatan Rakyat
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRU	Pilihan Raya Umum
PRK	Pilihan Raya Kecil
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya



BAB 1

PENGENALAN



Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen yang menuntut suatu pilihan raya dijalankan dalam tempoh lima tahun sekali serta dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Proses pilihan raya merupakan satu mekanisme untuk memilih wakil bagi mengisi jawatan di parlimen Malaysia. Wakil yang dipilih oleh rakyat telah diyakini mampu menyuarakan hak penduduk setempat kepada peringkat pusat. Penglibatan rakyat dalam proses ini dapat mempengaruhi kestabilan politik, perpaduan dan pengukuhan sistem demokrasi negara (Chamil, 2010).

Di Malaysia, pilihan raya persekutuan telah dijalankan pada tahun 1955 untuk memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan. Selepas kemerdekaan sehingga kini, negara telah mengadakan 15 kali Pilihan Raya Umum (PRU) yang melibatkan





penyertaan daripada pelbagai parti politik. Barisan Nasional (BN) merupakan parti politik yang telah berjaya membentuk kerajaan persekutuan ketika 13 kali PRU kecuali hanya dalam PRU ke-14 dan PRU ke-15. Walau bagaimanapun, dua PRU yang terkini menunjukkan kedudukan BN telah tergugat oleh kerjasama parti gabungan baharu pada PRU tersebut (Junaidi, 2019). Hal ini menjelaskan bahawa kemunculan parti gabungan baharu telah berjaya menarik sokongan rakyat dalam pilihan raya.

Selepas PRU ke-12, terdapat banyak perubahan dalam pembentukan gabungan parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Kemunculan gabungan parti lama dan baharu ketika PRU ke-14 dilihat sekali lagi menggugat kedudukan BN apabila gagal membentuk kerajaan persekutuan. Kemenangan Pakatan Harapan (PH) dengan menguasai 113 kerusi parlimen dan pertambahan kerusi PH di semua negeri kecuali Perlis dan Pahang. Pembentukan kerajaan PH di Perak adalah hasil kerjasama parti PKR, DAP, Bersatu dan Amanah (Moniruzzaman & Kazi Fahmida, 2018).

Kemenangan PH di Perak dengan penglibatan parti baharu menjelaskan terdapat sokongan pengundi kepada parti tersebut. Situasi ini menjelaskan perubahan pilihan pengundi yang sebelum PRU ke-12 hanya memilih berdasarkan parti (Jamaie et al. (2014). Hal ini demikian kerana negara kita sebelum ini hanya didominasi oleh BN dalam jangka masa yang panjang tanpa saingan sengit daripada parti lain. Justeru, PRU ke-14 telah membuktikan bahawa pengundi semakin berfikiran rasional untuk membuat pilihan yang boleh menyumbang kepada pembangunan dan kebajikan rakyat.





1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang dibahagikan kepada maklumat asas negeri, keputusan pilihan raya dan maklumat kawasan kajian yang telah dijalankan. Pembahagian maklumat memudahkan pengkaji untuk menjelaskan berkaitan pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian dalam bahagian yang berikutnya.

1.2.1 Latar Belakang Negeri Perak

Perak Darul Ridzuan merupakan negeri keempat terbesar di Malaysia dan negeri kedua terbesar di semenanjung Malaysia selepas negeri Pahang Darul Makmur. Perak dengan keluasan 21,000 kilometer persegi (km²) dan peratusan keluasan 6.4 peratus daripada jumlah keluasan yang membentuk Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak (www.perak.gov.my, 1 Mei 2018). Lokasi Perak terletak di utara semenanjung Malaysia berjiran antara Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan di utara, bersempadan dengan Terengganu di timur dan Selangor di selatan negeri. Ibu negeri Perak adalah Ipoh dan Kuala Kangsar merupakan Bandar Diraja, bandar bersejarah dan bandar ilmu kepada negeri Perak (www.mptaiping.gov.my, 1 Mei 2018).

Bancian pada 2010 menunjukkan Perak mempunyai jumlah penduduk 2,258,428 juta orang dengan kadar pertumbuhan tahunan 0.4 peratus. Komposisi etnik dianggarkan bumiputera 1,360,506 atau 55.74 peratus, Cina dengan 702,170 atau 28.77 peratus, India dengan 296,600 atau 12.15 peratus, lain-lain dengan 8,842 atau 0.36 peratus dan bukan warganegara dengan 72,751 atau 2.98 peratus. Manakala, peratus





penduduk negeri Perak berdasarkan agama adalah 55.3 peratus Islam, 25.4 peratus Buddha, 10.9 peratus Hindu, 4.3 peratus Kristian, 1.7 peratus Tao atau pengikut Agama Rakyat Cina, 1.5 peratus pengikut agama-agama lain dan 0.9 peratus tiada agama. Jumlah penduduk mengikut jantina lelaki 1,138,018 juta orang dan perempuan 1,120,410 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia [DOSM], 2011).

Selain itu, jumlah penduduk dijangka meningkat berdasarkan unjuran populasi penduduk pada tahun 2015, menunjukkan negeri Perak mempunyai 2.46 juta orang dengan komposisi penduduk kaum Melayu sebanyak 54 peratus, kaum Cina diwakili 29 peratus, kaum India dengan 12 peratus, serta jumlah selebihnya adalah bumiputera lain, lain-lain dan bukan warganegara Malaysia mewakili 5 peratus sahaja (DOSM, 2017). Peratusan ini menjelaskan Perak mempunyai komposisi campuran etnik yang mewakili etnik utama di Malaysia.



Negeri ini diwakili oleh 12 daerah iaitu Kinta, Larut, Matang dan Selama, Manjung, Hilir Perak, Kerian, Batang Padang, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Hulu Perak, Kampar, Mualim dan Bagan Datuk. Bagi pembangunan ekonomi, Perak dibahagikan kepada empat koridor utama untuk memastikan keseimbangan perancangan ekonomi dijalankan. Setiap koridor ini dibahagikan kepada beberapa sektor ekonomi berdasarkan sumber pendapatan asal ekonomi setempat (www.perak.gov.my, 26 Ogos 2019). Tambahan pula, pelan perancangan koridor ini mempunyai fokus dan pelan pembangunan yang dirancang bagi memastikan agihan pendapatan ekonomi negeri setempat berkembang seimbang di 12 daerah tersebut. (Data Asas Negeri Perak, 2016).





1.2.2 Pilihan Raya Umum (PRU) di Perak

Secara umumnya, sebanyak 24 kerusi parlimen dan 59 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) telah dipertandingkan pada PRU ke-14 di Perak (Rajah 1.1). Pada PRU ke-11 (2004)¹ berlaku pertambahan jumlah kerusi di Perak selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya kali kelima yang dijalankan pada 2003 melibatkan kawasan Semenanjung dan Sabah² Persempadanan semula kawasan pilihan raya dijalankan apabila telah mencukupi syarat yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Persempadanan semula telah menjadikan jumlah kerusi DUN di Perak yang kedua tertinggi selepas Sabah dengan 60 kerusi. Sementara itu, jumlah pemilih yang mengambil bahagian dalam PRU 2018 di Perak adalah seramai 1,510,864 orang. Perak mewakili 10 peratus jumlah pemilih daripada keseluruhan pemilih yang berdaftar pada PRU ke-14 iaitu 14, 940, 624 orang (SPR, 2018).

¹ Jumlah kerusi dalam PRU ke-11 (2004) di Perak bertambah menjadi 24 kerusi Parlimen dan 59 kerusi DUN kekal hingga PRU ke-14 pada tahun 2018 (SPR, 19 November 2019)

² Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan dalam Perkara 113 bahawa kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya parlimen dan negeri dilakukan apabila mencapai syarat yang telah ditetapkan (Rosmadi et al., 2013).



dibentuk oleh parti gabungan Pakatan Rakyat (PR). Gabungan parti politik PAS, PKR dan DAP telah menambah bilangan kerusi bermula PRU ke-14 dan mengekalkan kedudukan pada PRU ke-13. Pada PRU ke-14 menunjukkan terdapat bilangan kerusi yang dimenangi oleh parti baharu iaitu Parti Amanah Negara dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Jadual 1.1 menjelaskan bilangan kerusi yang diperolehi parti politik di Perak.

Jadual 1.1

Keputusan PRU ke-12 hingga PRU ke-14 di Perak

Parti	Bilangan kerusi					
	PRU 12 (2008)		PRU 13 (2013)		PRU 14 (2018) ⁵	
	P	N	P	N	P	N
BN	14	28	12	31	8	27
PAS	1	6	2	5	0	3
DAP	6	18	7	18	7	18
PKR	3	7	3	5	3	4
PAN	-	-	-	-	2	6
PPBM	-	-	-	-	3	1
Gerakan	-	-	-	-	-	-
Bebas	-	-	-	-	1	-
Jumlah	24	59	24	59	24	59

Diubahsuai daripada Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (2008; 2013; 2018)

Berdasarkan Jadual 1.1 dalam PRU ke-12 menunjukkan BN hanya memperolehi 28 kerusi dan PR berjaya membentuk kerajaan dengan 31 kerusi. PR berjaya membentuk kerajaan negeri dengan majoriti mudah. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya *politics breaker* dalam kalangan ahli DUN selepas

⁵Keputusan awal PRU ke-14 pada 9 Mei 2018 menunjukkan PH menguasai 29 kerusi (PKR-4 kerusi, DAP-18 kerusi, Amanah-6 kerusi, PPBM-1 kerusi), BN dengan 27 kerusi dan PAS 3 kerusi.

pembentukan kerajaan baharu.⁶ Buktinya, terdapat empat ahli DUN daripada PR telah mengumumkan keluar parti masing-masing pada 4 Februari 2009.⁷ Kemudian, wakil rakyat tersebut telah menyatakan sokongan kepada BN dan menyebabkan perubahan pentadbiran negeri telah diambil alih oleh Menteri Besar yang baharu iaitu Datuk Dr Zambry Abdul Kadir pada tahun 6 Februari 2009 (Siti Noranizahhafizah dan Jayum, 2016).

Seterusnya, keputusan PRU ke-13 menjelaskan BN telah mengekalkan 31 kerusi dan PR memperolehi 28 kerusi.⁸ Berdasarkan Jadual 1.1, PKR mendapatkan lima kerusi, DAP mengekalkan 18 kerusi dan PAS memperolehi lima kerusi sahaja berbanding PRU ke-12 yang lalu. Hanya DAP yang mengekalkan kerusi parti manakala parti lain mengalami penurunan jumlah kerusi. Dengan kedudukan kerusi tipis tersebut, BN sekali lagi memberi kepercayaan dan mengekalkan Datuk Dr Zambry Abdul Kadir sebagai Menteri Besar. Keadaan kerusi tipis ini menjelaskan kedudukan BN boleh tergugat seperti parti PR ketika mentadbir Perak ketika PRU tersebut.

Di samping itu, PRU ke-14 menunjukkan pertambahan kerusi PH dengan 29 kerusi, BN memperolehi 27 kerusi dan PAS dengan tiga kerusi. PRU ke-14 melibatkan PH yang mewakili PKR, DAP, Parti Amanah Negara (PAN) dan Parti Pribumi Bersatu

⁶Fenomena melompat parti oleh wakil rakyat disifatkan sebagai *politics breaker* atau *politics makers* yang berfungsi untuk menjatuhkan kerajaan lama dan membantu menubuhkan kerajaan baharu dalam menentukan parti yang layak berkuasa (Malike, 2012).

⁷Speaker DUN, V. Sivakumar menerima surat perletakkan jawatan daripada ADUN N59 Behrang Jamaluddin Mat Radzi (PKR), ADUN N14 Changkat Jering Mohd Osman Jaili (PKR), ADUN N39 Bota Nasaruddin Hashim dan ADUN N31 Jelapang dan HeeYit Fong (DAP) menjadi calon bebas.

⁸Di peringkat persekutuan, pada PRU 2008, BN memperolehi 140 kerusi dan PR mendapatkan 82 kerusi. Pada PRU 2013, BN memperolehi 133 kerusi dan PR berjaya meningkatkan bilangan kerusi kepada 89 kerusi Parlimen. Pada PRU 2018, BN hanya memperolehi 79 kerusi dan PH menguasai 113 kerusi daripada 222 kerusi di Parlimen.

Malaysia (PPBM) berjaya mentadbir dengan 30 kerusi daripada 59 kerusi yang telah dipertandingkan. Manakala, BN hanya memperolehi 27 kerusi dan PAS dengan tiga kerusi di Perak. Walau bagaimanapun, Perak terus mengalami perubahan jumlah kerusi yang akibat pertukaran ahli dalam parti politik yang membentuk gabungan. Perubahan kerusi yang berlaku di peringkat DUN telah mempengaruhi pembentukan pentadbiran negeri Perak. Berdasarkan Jadual 1.1 menjelaskan perubahan bilangan kerusi parti yang berlaku dalam tempoh 19 bulan selepas PRU ke-14 tersebut.

Jadual 1.2

Perubahan bilangan kerusi DUN selepas PRU ke-14 di Perak

Parti	Bilangan kerusi DUN		
	Julai 2018 ⁹	Mac 2020 ¹⁰	Disember 2020
BN	25	25	25
PAS	3	3	3
DAP	18	18	16
PKR	4	3	3
PAN	6	6	5
PPBM	2	4	5
Gerakan	-	-	1
Bebas	1	0	1
Jumlah	59	59	59

Diubahsuai daripada Portal Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya, 2020

Terdapat perubahan kerusi berlaku pada Jun 2018 selepas dua orang ahli DUN daripada BN bertindak keluar parti dan memberi sokongan kepada kepimpinan PH.¹¹ Pertambahan kerusi tersebut mengukuhkan pentadbiran Dato' Seri Ahmad Faizal bin Haji Azumu sebagai Menteri Besar. Perubahan kerusi kali kedua melibatkan

⁹Pada Julai 2018 kerusi PH menjadi 30 (PKR-4 kerusi, DAP-18 kerusi, Amanah-6 kerusi, PPBM-2 kerusi), calon Bebas menyatakan sokongan kepada PH, BN dengan 25 kerusi dan PAS kekal 3 kerusi.

¹⁰Pada Mac 2020, kerajaan negeri di terajui Perikatan Nasional (PN) yang diwakili BN, PAS dan PPBM. PN membentuk negeri dengan 32 kerusi (BN-25, PAS-3, PPBM-4 kerusi) dan PH (PKR-3 kerusi, DAP-18 kerusi, Amanah-6 kerusi).

¹¹ ADUN Sungai Manik Zainol Fadzi Paharuddin dan ADUN Tualang Sekah Nolee Ashilin Mohamed Radzi bertindak menyokong kepimpinan Menteri Besar.



pengurangan kerusi PH apabila PPBM bertindak keluar gabungan pada 26 Februari 2020. Seterusnya, PPBM membentuk kerjasama baharu antara BN dan PAS yang dinamakan Perikatan Nasional (PN) (Junaidi, 2020).

Sehubungan itu, PN membentuk kerajaan dengan 25 kerusi BN, empat kerusi PPBM dan tiga kerusi PAS. PN mengekalkan Dato' Seri Ahmad Faizal sebagai Menteri Besar. Pada Disember 2020, beliau telah meletak jawatan selepas kehilangan sokongan dalam usul undi percaya di Dewan Undangan Negeri (DUN). Sejurus perletakan jawatan beliau, Datuk Saarani daripada ADUN Kota Tampan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perak yang ke-14. Disebabkan perubahan kerusi parti, jawatan Menteri Besar di Perak adalah kali ketiga dilantik selepas PRU ke-14.



tipis antara dua parti utama mempengaruhi pembentukan kerajaan negeri. Keputusan PRU ke-12 telah memberikan gambaran tentang kemerosotan sokongan pengundi kepada parti BN yang merupakan penguasa utama sejak PRU pertama hingga PRU ke-11. Hal ini demikian ketika PRU ke-14, PH telah berjaya menawan negeri ini bersama-sama peningkatan undi yang berlaku di peringkat persekutuan dan negeri lain.

Hal ini menjelaskan kepentingan kawasan DUN yang dimenangi oleh sesuatu parti dalam pilihan raya. Setiap kawasan dalam pilihan raya berupaya mempengaruhi keputusan pembentukan kerajaan di peringkat negeri. Oleh itu, keputusan pengundi di peringkat DUN perlu diteliti bagi menilai faktor perubahan undi daripada suatu parti kepada parti yang lain. Penelitian ini dijalankan di peringkat terkecil melibatkan pengundi bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan berkesan.





1.2.3 Latar Belakang Manjoi dan Behrang

Manjoi atau gugusan Manjoi merupakan satu kawasan yang berada di daerah Kinta dan berhampiran dengan Bandaraya Ipoh dengan kepadatan penduduk yang tinggi di Perak (Mohd Hairry et al., 2011). Dewan Undangan Negeri (DUN) Manjoi (N23) dinamakan semula ketika PRU 1999 dan berada di dalam Parlimen Tambun (P63). Terdapat 18 Pusat Daerah Mengundi (PDM) merangkumi Kanthan, Pekan Chemor, Kelabang, Kuala Kuang, Kampong Chepor Dalam, Kampong Ulu Chepor, Meru Raya, Taman Jati, Meru, Kampong Sungai Kati, Kampong Datok Ahmad Said Tambahan 2 Tengah, Kampong Datok Ahmad Said Tambahan 2 Selatan, Kampong Sungai Tapah, Taman Keledang Jaya, Kampong Tengku Hussein, Kampong Seberang Manjoi, Tun Terang dan Chemor Indah.



Berdasarkan Jadual 1.3, menunjukkan keputusan dalam PRU ke-10 hingga PRU ke-14 di Manjoi. Jadual menyaksikan penguasaan BN dalam keempat-empat PRU sebelum keputusan PRU ke-14 diumumkan. Kawasan ini melibatkan persaingan utama antara parti PKR dan PAS. Jadual juga menunjukkan jumlah undi dan majoriti undi yang diperolehi setiap calon yang mewakili parti politik masing-masing. BN telah menguasai kerusi ini hingga PRU ke-13. Manakala, PH berjaya merampas kerusi ini daripada BN pada PRU ke-14. Bagi jumlah pemilih berdaftar yang terlibat dalam PRU 2018 adalah 57,817 orang dan merupakan jumlah pemilih tertinggi di Perak. Peratus pengundian dalam PRU ke-14 adalah 82.92 peratus di kerusi tersebut.



Jadual 1.3

Keputusan PRU ke-10 hingga PRU ke-14 di Manjoi

PRU	Nama calon	Parti	Jumlah undi diperolehi
1999	Nadzri Ismail	BN	12,146
	Zulkifly Ibrahim	Keadilan	10,803
2004	Nadzri Ismail	BN	17,095
	Zulkifly Ibrahim	Keadilan	9,210
2008	Nadzri Ismail	BN	14,804
	Zulkurnaini Ibrahim	PAS	14,456
2013	Mohd Ziad	BN	21,511
	Asmuni Awi	PAS	21,379
2018	Mohd Ziad	BN	16,520
	Asmuni Awi	PH-Amanah	20,052
	Mohd Hafez Subri	PAS	10,830

Diadaptasi daripada Laporan SPR (1999; 2004; 2008; 2013; 2018)

Seterusnya, Behrang kini berada dalam daerah Muallim.¹² Slim River dan Tanjong Malim merupakan dua buah bandar yang terdapat dalam daerah ini. Sebelum ini Slim River dan Tanjong Malim merupakan sebahagian daripada kawasan yang di tadbir oleh Pejabat Daerah Batang Padang. Daerah Muallim mempunyai keluasan 93,434.65 hektar yang mempunyai majoriti penduduk adalah kaum Melayu diikuti kaum Cina, India, Semai dan lain-lain.

Tambahan pula, bandar Tanjong Malim dikenali sebagai Bandar Pendidikan kerana terdapatnya pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang pada awalnya dikenali sebagai Sultan Idris Training College (SITC) yang telah berjaya melahirkan ramai cendekiawan dan golongan profesional. Daerah ini juga

¹² Pengisytiharan daerah Muallim sebagai daerah pentadbiran ke-11 di negeri Perak oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizuddin Shah pada 11 Januari 2016

berpotensi membangun dengan pesat di kawasan selatan Perak kerana terdapat kegiatan ekonomi sedia ada dan perancangan industri seperti Kilang Proton di Bandar Proton.

Manakala, kawasan N59 Behrang mempunyai 20 PDM yang terdiri daripada Perlok, Klah, Ulu Slim, Slim Village, Kampong Sawa, Ladang Clunny, Kampong Balun, Kampong Sungai Sekiah, Behrang Ulu, Behrang Station, Behrang Timor, Kampong Keteyong, Kampong Lambak, Jalan Beirop, Jalan Ketoyong, Kampong Melaka, Kampong Simpang Ampat, Kampong Loke Yew, Pos Bersih dan Pos Tenau. Jumlah pemilih yang berdaftar di Behrang adalah 27,963 orang pada PRU 2018. Manakala, peratus mengundi di DUN Behrang pada PRU ke-14 adalah 81.81 peratus (SPR Perak, 2018).

Jadual 1.4

Keputusan PRU ke-11 hingga PRU ke-14 di Behrang

PRU	Nama calon	Parti	Jumlah undi diperolehi
2004	Appalanaidu a/l Rajoo K.R.A Naidu	BN	7627
	Jamaluddin Mohd Radzi	Keadilan	3879
2008	Ramasamy Muthusamy	BN	5744
	Jamaluddin Mohd Radzi	PKR-Bebas	6771
2013	Hjh Rusnah Kassim	BN	9823
	Abd Hadi Abd Khattab	PKR	7855
	Kamal Badri	Bebas	358
	PS. Naidu	Bebas	341
2018	Hjh Rusnah Kassim	BN	9361
	Aminuddin Zulkipli	PH-Amanah	9770
	Syed Zamzuri Syed Nengah	PAS	3334

Diubahsuai daripada Laporan SPR (2004; 2008; 2013; 2018)

DUN Behrang (N59) diwujudkan pada PRU ke-11 dan berada dalam bahagian Parlimen Tanjong Malim (P77). Berdasarkan Jadual 1.4 menunjukkan keputusan PRU



ke-11 hingga PRU ke-14 di Behrang. Kedudukan BN hanya kekal dalam PRU ke-11 dan PRU ke-13. Namun begitu, parti PKR juga telah menawan Behrang ketika PRU ke-12 dan perubahan terus berlaku ketika PRU ke-14 apabila Amanah memenangi kerusi ini pada PRU tersebut. Jika dilihat, kerusi ini memperlihatkan persaingan parti utama iaitu BN dan PKR.

Keseluruhan menunjukkan bahawa dua kawasan ini mempunyai signifikan kepada tujuan kajian ini dijalankan. Kawasan Manjoi dan Behrang merupakan dua kawasan baharu yang ditawan oleh PH. Manjoi mempunyai jumlah pengundi tertinggi di Perak dan berada di kawasan berdekatan Bandaraya Ipoh. Pemilihan Behrang juga disebabkan kedudukannya di kawasan perindustrian Tanjong Malim di Perak. Kawasan ini juga merangkumi kawasan Pusat Daerah Mengundi (PDM) di kawasan bandar,



1.3 Pernyataan Masalah

Keputusan PRU ke-14 telah mencatatkan sejarah baharu apabila buat pertama kali Pakatan Harapan (PH) berjaya membentuk kerajaan di persekutuan dan beberapa kerajaan negeri iaitu di Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka.¹³ Perak merupakan antara kubu kuat BN sejak 1959 hingga PRU ke-11 dengan memenangi dua pertiga kerusi DUN (SPR, 2008). Jadual 1.5 menjelaskan kedudukan kerusi DUN parti

¹³ PKR kekal mentadbir Selangor, Pulau Pinang di bawah pentadbiran DAP (sejak PRU 2008). PH mengukuhkan mentadbir pesekutuan dengan sokongan daripada Parti Warisan Sabah (Sabah).



yang mempengaruhi pembentukan kerajaan negeri dengan majoriti mudah pada PRU ke-12, PRU ke-13 dan PRU ke-14. Namun, pengalaman membuktikan bahawa kemenangan tipis mudah menggugat kerajaan seperti yang berlaku di Terengganu dan Perak pada 2009 (Siti Noranizahhafizah & Jayum, 2016).

Jadual 1.5

Kedudukan kerusi DUN di Perak

Parti	PRU 12 (2008)	PRU 13 (2013)	PRU 14 (2018)
Barisan Nasional	28	31	27
• <i>United Malays National Organisation</i> (UMNO)	27	30	27
• <i>Malaysian Chinese Association</i> (MCA)	1	1	0
Pakatan Rakyat/ Pakatan Harapan	31	28	29
Parti Keadilan Rakyat (PKR)	7	5	4
Parti Tindakan Demokratik	18	18	18
Parti Amanah Negara (PAN)	-	-	6
Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)	-	-	1
Parti Islam SeMalaysia (PAS)	6	5	3
Bebas ¹⁴	-	-	0
Jumlah	59	59	59

Diubahsuai daripada Laporan SPR (2008; 2013; 2018)

Jadual 1.5 menunjukkan PR, BN dan PH telah membentuk kerajaan di Perak dengan kemenangan tipis. Pada PRU ke-12, PR membentuk kerajaan dengan 31 kerusi berbanding BN hanya memperolehi 28 kerusi. Kemenangan PR disumbangkan oleh parti PKR, DAP dan PAS. Manakala, PRU ke-13 menjelaskan situasi yang serupa apabila BN menang dengan 31 kerusi berbanding parti lawan. Seterusnya, keputusan awal PRU ke-14 menunjukkan PH membentuk kerajaan dengan 29 kerusi, manakala

¹⁴ Berjasa dan PSM bertanding dalam PRU ke-13 (2013) dan PRU ke-14 (2018) tetapi tidak memenangi kerusi.

BN memperolehi 27 kerusi dan selebihnya tiga kerusi milik PAS. Hal ini menjelaskan kedudukan setiap parti berubah di peringkat DUN dalam PRU ke-12, PRU ke-13 dan PRU ke-14.

Perubahan keputusan PRU ke-14 adalah signifikan dengan kejayaan PH merampas sebelas kerusi baharu yang didominasi oleh parti Amanah. Berdasarkan Jadual 1.5, Amanah berjaya merampas enam kerusi, empat daripada kerusi BN dan dua kerusi PAS (Jadual 1.6). Manakala PKR dan DAP masing-masing merampas dua kerusi dan PPBM pula berjaya merampas satu kerusi daripada BN.¹⁵ Keputusan menunjukkan Amanah telah berjaya memperolehi kawasan baharu dengan undi majoriti meningkat dan undi majoriti menurun. Hal ini boleh menjelaskan perbezaan keputusan pengundi di kawasan yang dimenangi oleh parti yang sama iaitu Amanah. Jadual 1.6 menjelaskan kedudukan parti, jumlah undi dan undi majoriti yang dimenangi oleh Amanah.

Jadual 1.6

Keputusan awal senarai kerusi baharu Parti Amanah

Kawasan	PRU ke-13			PRU ke-14		
	Parti	Jumlah undi	Majoriti undi	Parti	Jumlah undi	Majoriti undi
N08 Titi Serong	BN	11045	1794	BN	7460	140
	PAS	12839		PAS	6993	
				PH	7600	
N16 Kamunting	BN	11784	887	BN	8118	1780
	PAS	10897		PAS	5276	
				PH	9898	

¹⁵Kerusi majoriti undi meningkat adalah di N016 Kamunting, N023 Manjoi, N051 Pasir Panjang, N44 Sungai Rapat, N038 Astaka dan N042 Keranji. Kerusi dengan undi majoriti menurun di N08 Titi Serong, N059 Behrang, N024 Hulu Kinta, N046 Teja dan N047 Chenderiang.

Kawasan	PRU ke-13			PRU ke-14		
	Parti	Jumlah undi	Majoriti undi	Parti	Jumlah undi	Majoriti undi
N23 Manjoi	BN	21511	132	BN	16520	3532
	PAS	21379		PAS	10830	
				PH	20052	
N44 Sungai Rapat	BN	16602	2638	BN	8811	3614
	PAS	19240		PAS	4627	
	Bebas	333		PH	12425	
N51 Pasir panjang	BN	15153	304	BN	12904	1219
	PAS	14849		PAS	7795	
	Bebas	245		PH	14123	
N59 Behrang	BN	9823	1968	BN	9361	409
	PKR	7855		PAS	3334	
	Bebas	358		PH	9770	
	Bebas	341				

Sumber: Diubahsuai daripada Laporan SPR (2013; 2018)

Berdasarkan Jadual 1.6, pemilihan N23 Manjoi dan N59 Behrang adalah kerana perubahan parti yang mentadbir, penurunan jumlah undi dan perbezaan majoriti undi yang diperolehi Amanah di kawasan baharu. Walaupun pertama kali bertanding, Amanah berjaya memperoleh peningkatan majoriti undi sebanyak 3232 di Manjoi. Manakala, berlaku penurunan majoriti undi iaitu 409 di Behrang yang rendah daripada kawasan BN pada PRU ke-13. Kemenangan Amanah dengan perbezaan ini menunjukkan perbezaan pilihan pengundi yang mempengaruhi perubahan pentadbiran di kawasan tersebut.

Selain itu, hasil sorotan literatur menunjukkan kajian pola pengundian telah dijalankan di beberapa negeri seperti Selangor (Siti Noranizahhafizah, 2015; Junaidi et al., 2015a; 2015b; Muhammad Shamshinor et al., 2014), Perak (Siti Noranizahhafizah & Jayum, 2016; Amir, 2013; Junaidi et al., 2010), Negeri Sembilan (Mohd Fuad et al., 2011a/b?), Johor (Junaidi et al., 2012), Pahang (Azman et al., 2016). Kajian oleh pengkaji lain (rujuk lanjut dalam bab 2) melibatkan pelbagai aspek yang berbeza seperti



analisis keputusan PRU 2008 dan PRU 2013, kajian komposisi etnik dan beberapa DUN sahaja. Antaranya, kajian telah dijalankan di DUN Trong, Kuala Sepetang dan Changkat Jering (Junaidi et al., 2010), DUN Bagan Pinang, Negeri Sembilan (Mohd Fuad et al., 2011), DUN Tenang, Johor (Junaidi et al., 2012). Maka, kajian menyelidiki pola pengundian di Manjoi dan Behrang bagi mengisi sebahagian kelompangan kajian pilihan raya.

Justeru, kajian ini menyelidiki pola pengundian dalam tempoh PRU yang telah dijalankan di DUN Manjoi dan Behrang. Seterusnya, diselidiki juga faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengundi dalam PRU ke-14 berikutan perubahan keputusan pilihan raya yang telah berlaku di kawasan tersebut. Kajian turut menilai pandangan pengundi terhadap wakil rakyat yang telah dipilih berdasarkan beberapa aspek dalam



1.4 Persoalan Kajian

Berikutan kenyataan permasalahan kajian ini, maka timbul beberapa persoalan untuk pengkaji menjalankan kajian.

- i. Bagaimanakah pola pengundian di DUN Manjoi dan DUN Behrang pada PRU ke-12 hingga PRU ke-14?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengundi di DUN Manjoi dan DUN Behrang dalam PRU ke-14?
- iii. Bagaimanakah persepsi pengundi terhadap wakil rakyat baharu di DUN Manjoi dan DUN Behrang dalam PRU ke-14?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan persoalan kajian yang dikemukakan, pengkaji menjalankan kajian ini berdasarkan tiga objektif iaitu:

- i. Mengenal pasti pola pengundian di DUN Manjoi dan DUN Behrang pada PRU ke-12 hingga PRU ke-14?
- ii. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengundi di DUN Manjoi dan DUN Behrang pada PRU ke-14?
- iii. Menilai persepsi pengundi terhadap wakil rakyat baharu di DUN Manjoi dan DUN Behrang pada PRU ke-14?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini hanya mengkaji pola pengundian di Dewan Undangan Negeri (DUN) Manjoi dan DUN Behrang pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 hingga PRU ke-14. Hal ini kerana N23 Manjoi dinamakan semula pada PRU ke-10 dan N59 Behrang wujud ketika PRU ke-11. Kedua-dua kerusi ini adalah kawasan baharu dalam bahagian PRU di Perak. Oleh itu, kajian menyelidiki keputusan PRU bermula PRU ke-12 hingga PRU ke-14. Sebagai kawasan baharu pastinya memberi pengaruh kepada jumlah kerusi yang dimenangi oleh sesebuah parti di Perak.

Selain itu, kajian memberi fokus pilihan pengundi di DUN Manjoi dan DUN Behrang pada PRU ke-14. Jika dilihat kepada keputusan PRU ke-14, kedua-dua kerusi ini merupakan kerusi baharu yang dimenangi Amanah. Penyertaan Amanah sebagai parti baharu ke dalam Pakatan Harapan (PH) memberi kelebihan kepada Amanah apabila berjaya menguasai enam kawasan baharu. Kajian melihat kepada kemenangan parti Amanah di DUN Perak dengan jumlah majoriti meningkat dan menurun untuk menilai perubahan yang berlaku di kedua-dua kawasan tersebut.

Oleh itu, kajian menyelidiki faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengundi pada PRU ke-14. Kajian juga menyelidiki persepsi pengundi terhadap wakil rakyat yang telah dipilih pada tersebut. Pilihan pengundi di Manjoi dan Behrang ini memerlukan respon daripada pengundi melalui soal selidik. Hal ini disebabkan pada PRU ke-14 keputusan pengundi telah menyebabkan perubahan kepada wakil rakyat baharu di kawasan Manjoi dan Behrang. Seterusnya telah mempengaruhi pembentukan kerajaan di peringkat negeri Perak.

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini penting kerana pertama dapat mengetahui pola pengundian peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Manjoi dan Behrang di Perak daripada PRU 2008 hingga PRU 2018. Perubahan pola pengundian yang berlaku menunjukkan tahap sokongan dan pengundi dalam pilihan raya yang dijalankan. Hal ini kerana pola pengundian di DUN signifikan dengan perubahan pentadbiran yang berlaku di Perak.

Selain itu, kajian ini dapat menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengundi di DUN Manjoi dan DUN Behrang. Hal ini kerana kedua-dua DUN mempunyai sejarah pentadbiran yang berbeza dalam setiap PRU yang telah dijalankan. Terdapat juga parti atau calon yang berubah-ubah dalam satu penggal pentadbiran.

Kajian ini penting untuk mendapatkan maklumbalas pengundi melalui persepsi mereka terhadap wakil rakyat baharu yang dipilih oleh pengundi dalam PRU 2018.

Selain itu, dapatan kajian ini membolehkan pengkaji menilai pilihan pengundi pada PRU 2018 berdasarkan teori pilihan rasional yang dinyatakan. Maklumat berkaitan pola pengundian boleh membantu parti atau badan tertentu untuk merangka strategik bagi menghadapi pilihan raya akan datang. Seterusnya kajian ini memberi idea kepada penyelidik untuk merancang pelbagai kajian berkaitan peringkat DUN atau Parlimen Malaysia.



1.8 Definisi Pola Pengundian dan Persepsi Pengundi

Keputusan pilihan raya merupakan suatu keputusan atau taksiran daripada rakyat terhadap parti yang memerintah. Pilihan raya sebagai landasan terbaik untuk pengundi menentukan pilihan berdasarkan kriteria yang dimiliki oleh parti atau calon yang bertanding. Hal ini kerana setiap individu mempunyai persepsi, pandangan dan penilaian yang berbeza terhadap maklumat yang diterima bagi menentukan pilihan mereka ketika membuat pemilihan (Junaidi & Mazlan, 2016).

1.8.1 Pola pengundian

Pola pengundian bermaksud aliran keputusan pilihan raya yang dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti jenis dan umur pengundi, lokasi geografi, faktor isu, identifikasi parti, faktor sosiologi dan sebagainya (Junaidi dan Mazlan, 2016). Kajian pola pengundian memberi tumpuan kepada mengapa orang mengundi dan bagaimana mereka membuat keputusan (Siti Noranizahhafizah, 2008). Pendefinasian pola pengundian tiada yang dijelaskan secara terperinci sebaliknya sarjana menjelaskan penggunaan istilah dalam konteks setiap kajian.

Begitu juga pendefinasian di peringkat sarjana barat, tiada yang menjelaskan secara terperinci maksud pola pengundian dalam kajian mereka. Sarjana barat menjalankan kajian berkaitan konteks kajian pengundian atau '*voting patterns*' seperti pengaruh ciri-ciri wakil rakyat dalam pilihan raya (Schoultz, Asa Von & Coffe, Hilde (2020) dan kajian Achen & Blais (2019) melihat kepada pilihan pengundi dalam kajian tinjauan pemilihan presiden Amerika Syarikat pada 2008.



Antara kajian yang berkaitan pola pengundian (rujuk lanjut dalam bab 2) adalah kajian di Sarawak pada PRU 2013 (Siti Noranizahhafizah dan Jayum, 2018), masyarakat Cina pada PRU 2013 (Thock dan Tan, 2018), kajian pola pengundian pada PRU 2008 dan PRU 2013 (Norhayati, 2008; Siti Noranizahhafizah et al., 2015), aliran pengundian masyarakat India pada PRU 2013 (Suresh, 2014). Kajian perbandingan sikap politik masyarakat urban dan luar bandar pasca PRU 2013 (Mohd Azmir et al., 2016), kriteria kepimpinan dan pola di DUN Apas Tawau (Junaidi, 2018), pola pengundian pada PRU 2018 (Shahidah et al., 2019; Muhammad Moniruzzaman & Kazi Fahmida, 2018; Muhammad Ariff & Sity Daud, 2018; Lee Kuok Tiung et al., 2018).

Faktor pengundian yang mempengaruhi pola pengundian ini tidak bersifat statik dan mampu berubah mengikut peredaran masa dan keadaan semasa. Perubahan faktor-faktor ini juga dilihat berbeza di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Perbezaan ini disebabkan oleh keunikan yang wujud antara negeri dari segi latar belakang masyarakat, kebudayaan, kepercayaan, sejarah politik, parti politik, persekitaran, pembangunan sosioekonomi dan isu lokal yang berlaku. Di Sarawak, faktor calon, parti dan etnik berperanan dalam mempengaruhi keputusan pengundian dalam pilihan raya (Mohd Faisal et al., 2002).

Kesimpulannya, kajian pola pengundian melibatkan beberapa aspek kajian mengikut keperluan dan tujuan pengkaji. Tiada pengertian khusus dalam kajian pola pengundian yang ditetapkan bagi menjelaskan sebarang perubahan yang berlaku dalam PRU. Walau bagaimanapun, perubahan pola pengundian di Malaysia banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti parti, ekonomi, calon dan isu yang berupaya mempengaruhi pilihan pengundi.



1.8.2 Persepsi pengundi

Persepsi merupakan suatu proses individu memilih, mengatur dan menginterpretasikan input informasi bagi membentuk gambaran keseluruhan sesuatu perkara (Kotler, 2000). Persepsi juga adalah proses memberi tindak balas terhadap situasi atau persekitaran. Proses ini mencakupi penafsiran objek, penerimaan stimulus (input), pengorganisasian stimulus dan penafsiran terhadap stimulus yang telah diorganisasikan, perkara ini mempengaruhi dan membentuk sikap seseorang (Junaidi dan Rosmadi, 2014).

Antara kajian yang mengkaji persepsi adalah kajian tanggapan pengundi bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) pasca PRU 2013 (Junaidi et al., 2015), persepsi politik dalam PRU 2013 (Junaidi et al., 2014), kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan di Selangor (Junaidi et al., 2015), persepsi politik dan kepimpinan di kawasan Parlimen Kluang (Mohd Fuad & Junaidi, 2012). Semua kajian persepsi ini dijalankan bagi mengetahui pendapat rakyat tentang sesuatu perkara yang dikaji. Kajian persepsi melibatkan pandangan pengundi terhadap kerajaan yang membentuk kerajaan, dasar kerajaan dan sebagainya.

Perubahan pengundian telah mempengaruhi perubahan wakil rakyat baharu pada PRU 2018. Pelbagai persepsi yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berkaitan perubahan tersebut. Oleh sebab itu, persepsi pengundi di kawasan kajian diambil kira bagi melihat pandangan mereka dengan keputusan yang telah dibuat pada PRU ke-14. Penerangan lanjut dalam dapatan kajian mengenai persepsi pengundi terhadap calon.



1.9 Organisasi Kajian

Bahagian ini menjelaskan penyusunan berkaitan maklumat bagi melengkapkan kajian. Pengkaji telah membahagikan kajian kepada lima bab. Dalam bab satu, dinyatakan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, kesignifikan kajian, skop kajian, definisi pola pengundian dan persepsi pengundi. Bab ini telah menjelaskan bagaimana permulaan kajian dijalankan. Hal ini boleh memudahkan pengkaji bagi menilai sejauh mana hasil kerja dan pencarian yang telah dijalankan.

Seterusnya, bab dua merupakan hasil pembacaan pengkaji terhadap kajian ilmiah, sorotan literatur dan artikel yang berkaitan pola pengundian, PRU ke-14 dan penggunaan teori dalam mengkaji pola pengundian. Pengkaji telah menilai kelompokan dan kekuatan kajian sebelumnya bagi menambahbaik dalam kajian. Dapatan maklumat kajian literatur ini membolehkan pengkaji memahami keseluruhan fakta dan maklumat berkaitan tujuan kajian.

Bab tiga telah menghuraikan metodologi kajian yang dijalankan untuk mendapatkan maklumat, fakta dan data berkaitan objektif kajian. Bahagian metodologi ini memudahkan pengkaji membuat perkiraan dalam memastikan semua proses yang dirancang dapat dijalankan dengan berkesan dan mencapai objektif kajian. Bab ini menerangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, dan instrumen kajian. Pengkaji telah menerangkan proses pengumpulan dan analisis dapatan atau maklumat yang diperolehi secara terperinci.



Manakala, dapatan kajian dalam bab empat menjelaskan dan menganalisis maklumat dan data yang diperolehi semasa proses pengumpulan data dilakukan. Semua maklumat yang berbentuk statistik dijadualkan dan rajah, graf, kemudian dianalisis oleh pengkaji berpandukan objektif kajian yang dikemukakan. Pengkaji juga telah menjelaskan setiap dapatan yang diperolehi hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden.

Akhir sekali, bab lima menjelaskan kesimpulan dan perbincangan kepada dapatan kajian dalam bab empat dan keseluruhan kajian. Pengkaji membuat rumusan berdasarkan semua data dan maklumat yang telah diperolehi. Bab lima juga telah menerangkan sumbangan kajian sebagai saranan dan cadangan kepada penyelidikan berkaitan pola pengundian pada masa akan datang.



1.10 Rumusan

Secara keseluruhan, kajian telah mengenal pasti berlaku perubahan kepimpinan di Manjoi dan Behrang ketika PRU ke-14. Bukan itu sahaja, berlaku juga perubahan peningkatan dan penurunan majoriti undi yang dimenangi oleh parti politik yang bertanding dalam pilihan raya tersebut. Seterusnya, mempengaruhi perubahan besar yang berlaku dalam sistem pentadbiran peringkat negeri. Jelaslah bahawa pengundi yang membuat keputusan mempunyai pilihan berdasarkan faktor-faktor yang berupaya mempengaruhi pengundi. Kajian berkaitan pilihan raya ke-14 dan kawasan kajian perlu diberi penelitian untuk mendapatkan banyak maklumat yang berkaitan.





BAB 2

KAJIAN LITERATUR



Kajian literatur merupakan bahagian yang menjelaskan tinjauan pengkaji ke atas kajian lepas untuk mendapatkan maklumat berkaitan pola pengundian. Proses ini memerlukan pengkaji membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen yang mengandungi fakta, maklumat, data dan kaedah kajian. Bahagian ini menjelaskan berkaitan teori pilihan rasional, kerangka konseptual yang menjadi panduan pengkaji dan penetapan tema kajian-kajian lepas mengikut keperluan dan tujuan kajian.

Seterusnya perbincangan mengenai pola pengundian dilakukan mengikut tema iaitu tahun Pilihan Raya Umum (PRU) iaitu PRU ke-12 dan PRU ke-13. Kajian memberi fokus kajian kepada PRU ke-14 dan negeri Perak. Dengan ini pengkaji menetapkan tema perbincangan iaitu pilihan raya dan kajian pilihan raya di Perak

